BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PEN : 07/04/36 (BN)

EMBARGO : Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1945 pada hari Rabu, 28 Julai 2004

Perkembangan Monetari dan Kewangan Jun 2004
Maklumat Utama Siaran Akhbar

Pembiayaan sektor swasta meningkat

Pembiayaan sektor swasta meningkat pada bulan Jun berikutan permintaan dalam negeri yang mapan dan keadaan ekonomi luar negeri yang bertambah baik. Jumlah terkumpul bagi pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) meningkat pada kadar tahunan 8.2% pada akhir bulan Jun.

Jumlah pengeluaran pinjaman meningkat kepada RM42.4 bilion dan disalurkan kepada tiga kumpulan utama peminjam, iaitu perusahaan kecil dan sederhana (PKS), perniagaan besar dan isi rumah. Pengeluaran pinjaman terutama kepada PKS adalah lebih tinggi pada tahap RM8.7 bilion pada bulan Jun. Kedua-dua penunjuk pinjaman masa hadapan, iaitu jumlah permohonan pinjaman dan kelulusan pinjaman masing-masing meningkat pada kadar tahunan 33.9% dan 28.5%. Sejumlah RM3.3 bilion diluluskan kepada 7,591 akaun PKS pada bulan Jun.

Sementara itu, keadaan sistem perbankan semakin baik seperti yang dicerminkan oleh pengukuhan dalam nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) kepada 13.7% dan nisbah pinjaman tak berbayar (NPL) yang lebih rendah sebanyak 6.2% pada akhir bulan Jun.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PEN : 07/04/36 (BN)

EMBARGO : Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1945 pada hari Rabu, 28 Julai 2004

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN JUN 2004

Pembiayaan sektor swasta meningkat

Pembiayaan sektor swasta meningkat pada bulan Jun berikutan permintaan dalam negeri yang mapan dan keadaan ekonomi luar negeri yang bertambah baik. Jumlah terkumpul bagi pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) meningkat pada kadar tahunan 8.2% pada akhir bulan Jun.

Jumlah pengeluaran pinjaman meningkat kepada RM42.4 bilion dan disalurkan kepada tiga kumpulan utama peminjam, iaitu perusahaan kecil dan sederhana (PKS), perniagaan besar dan isi rumah. Pengeluaran pinjaman terutama kepada PKS adalah lebih tinggi pada tahap RM8.7 bilion pada bulan Jun. Kedua-dua penunjuk pinjaman masa hadapan, iaitu jumlah permohonan pinjaman dan kelulusan pinjaman masing-masing meningkat pada kadar tahunan 33.9% dan 28.5%. Sejumlah RM3.3 bilion diluluskan kepada 7,591 akaun PKS pada bulan Jun.

Sementara itu, keadaan sistem perbankan semakin baik seperti yang dicerminkan oleh pengukuhan dalam nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) kepada 13.7% dan nisbah pinjaman tak berbayar (NPL) yang lebih rendah sebanyak 6.2% pada akhir bulan Jun.

Kadar faedah kekal rendah

Pada tempoh 1 Jun – 26 Julai, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat yang kecil antara 2.69 – 2.71%, dengan kadar purata 2.70%.



Kadar antara bank semalaman kekal stabil



Kadar antara bank kekal rendah dan stabil



Operasi mudah tunai Bank Negara Malaysia bertujuan mengekalkan kestabilan keadaan monetari



Secara relatifnya, nisbah pembiayaan-deposit kekal stabil pada tahap 89.9%

Kadar berian pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing kekal tidak berubah pada kadar 5.98% dan 6.90% pada 15 Julai. Sementara itu, kadar berian pinjaman purata (ALR) bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing menurun kepada 5.99% and 8.76% pada akhir bulan Jun (6.07% dan 8.82% pada akhir bulan Mei).



ALR bank perdagangan dan syarikat kewangan menurun

Pada 15 Julai 2004, kadar nominal deposit tetap bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah untuk tempoh matang satu hingga 12 bulan.

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Bank Perdagangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Mei 04	3.00	3.00	3.00	3.01	3.70
Jun 04	3.00	3.00	3.00	3.01	3.70
15 Jul 04	3.00	3.00	3.00	3.01	3.70

Kadar deposit tetap bank perdagangan kekal tidak berubah...

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap
Syarikat Kewangan



	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Mei 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
Jun 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70
15 Jul 04	3.00	3.00	3.01	3.03	3.70

...begitu juga dengan syarikat kewangan

Kaedah Faedah Benar Deposit Tetap 3 Bulan



Kadar deposit tetap benar 3 bulan adalah lebih rendah sedikit

Prestasi ringgit

Pada bulan Jun, ringgit naik nilai berbanding euro dan paun sterling kerana pengukuhan dolar AS berikutan jangkaan bahawa kadar faedah AS akan meningkat menjelang mesyuarat Federal Open Market Committee (FOMC) yang berlangsung pada akhir bulan Jun. Walau bagaimanapun, dolar AS susut nilai berbanding yen berikutan prestasi ekonomi Jepun yang lebih positif pada bulan Jun. Ringgit terus kukuh berbanding kebanyakan mata wang serantau, kecuali won Korea, yang naik nilai berikutan penghantaran balik perolehan yang lebih besar oleh pengeksport Korea.

Pada tempoh 1-26 Julai, prestasi ringgit bercampur-campur berbanding mata wang utama. Pada mulanya dolar AS susut nilai berbanding euro dan paun sterling berikutan jangkaan yang merosot bahawa Federal Reserve akan menaikkan kadar faedah dengan agresif. Dolar AS kemudiannya naik nilai sedikit berbanding mata wang utama tersebut disebabkan oleh penilaian positif berhubung ekonomi AS. Walau bagaimanapun, dolar AS naik nilai berbanding yen apabila prestasi pasaran saham yang lemah di Jepun menjejaskan yen. Sementara itu, prestasi ringgit bercampur-campur berbanding mata wang serantau.



Pada tempoh 1-26 Julai prestasi ringgit bercampur-campur berbanding mata wang utama...



...serta mata wang serantau

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM per mata wang asing	Akhir tempoh			% Perubahan			
	02 Sep 98	Jun 04	26 Jul 04	Jun 04	Akhir Jun 04 - 26 Jul 04	Akhir Dis 03 - 26 Jul 04	02 Sep 98 - 26 Jul 04
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	4.5933	4.6104	1.0	-0.4	3.6	-
Paun sterling	6.3708	6.8719	6.9778	1.5	-1.5	-3.0	-8.7
100 yen Jepun	2.7742	3.4991	3.4645	-1.1	1.0	2.6	-19.9
Dolar Singapura	2.1998	2.2139	2.2055	1.1	0.4	1.3	-0.3
100 baht Thai	9.3713	9.2841	9.2368	1.0	0.5	3.9	1.5
100 peso Filipina	8.8302	6.7640	6.7794	0.6	-0.2	0.9	30.3
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0404	0.0418	1.5	-3.4	7.3	-15.3
100 won Korea	0.2827	0.3298	0.3271	-1.0	0.8	-2.8	-13.6

Inflasi kekal rendah

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP, 2000=100), kekal rendah dan stabil. Purata kadar inflasi tahunan untuk enam bulan pertama 2004 kekal rendah pada kadar 1% (1.2% pada Januari-Jun 2003). Di samping itu, kadar inflasi tahunan pada bulan Jun kekal rendah pada kadar 1.3% (1.2% pada bulan Mei).



Inflasi kekal rendah pada bulan Jun

Harga pengeluar lebih tinggi

Indeks Harga Pengeluar (IHPR, 1989=100) meningkat pada kadar tahunan 12.6% pada bulan Mei (11.2% pada bulan April), mencerminkan terutamanya harga komoditi yang lebih tinggi, khususnya harga getah dan minyak mentah. Tidak termasuk produk berkaitan komoditi, IHPR meningkat pada kadar tahunan yang sederhana sebanyak 3.7%.



Harga pengeluar meningkat disebabkan terutamanya oleh harga komoditi yang lebih tinggi

Wang secara luas terus meningkat

Wang secara luas, M3 terus meningkat pada bulan Jun dengan pertumbuhan didorong oleh aktiviti berian pinjaman bank, dan pengembangan operasi luar negeri bersih berikutan penghantaran balik perolehan eksport yang berterusan, penggunaan pinjaman luar negeri dan sedikit aliran masuk dana portfolio. Pada asas tahunan, kadar pertumbuhan agregat monetari mapan dengan M1 dan M3 masing-masing meningkat sebanyak 16.3% dan 10.8%.



Agregat monetari meningkat pada bulan Jun

Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Apr 04	**Mei 04**	**Jun 04**	**Jan - Jun 04**
M3	4.0	1.9	4.4	29.2
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	1.0	-3.3	0.4	-8.0
Tuntutan ke atas sektor swasta	0.2	6.4	5.9	16.2
Pinjaman	*1.6*	*5.9*	*6.8*	*20.0*
Sekuriti	*-1.4*	*0.5*	*-0.9*	*-3.8*
Operasi luar negeri bersih *	4.5	-2.7	4.2	39.3
Pengaruh lain	-1.6	1.6	-6.1	-18.4

* Sebelum penilaian semula

Deposit perniagaan meningkat tinggi

Pada bulan Jun, jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM7.3 bilion berikutan peningkatan deposit perniagaan yang tinggi dalam hampir kesemua jenis deposit, serta deposit individu yang lebih tinggi. Pada asas tahunan, jumlah deposit yang dikumpul oleh sistem perbankan meningkat sebanyak 11.1% pada akhir Jun.

Deposit perniagaan lebih tinggi pada bulan Jun

Deposit Mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Apr 04	**Mei 04**	**Jun 04**	**Jan - Jun 04**
Kerajaan Persekutuan	-773	184	694	461
Kerajaan Negeri	65	281	43	661
Badan Berkanun [1]	-1,030	-659	46	-2,854
Institusi Kewangan	1,669	-116	391	5,558
Perusahaan Perniagaan	2,888	286	5,887	15,737
Individu	1,342	-485	1,259	10,656
Lain-lain [2]	-68	518	-979	552
Jumlah	4,093	10	7,342	30,771

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit Mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Apr 04	**Mei 04**	**Jun 04**	**Jan - Jun 04**
Deposit tetap	5,228	-2,385	-11	11,108
NID	2,398	310	790	3,836
Deposit permintaan	-3,375	1,531	2,491	2,464
Deposit tabungan	-19	-330	334	2,239
Perjanjian beli balik (Repo)	-98	-783	1,825	5,833
Deposit mata wang asing	728	803	-430	-86
Deposit SPI	-889	503	1,988	3,705
Lain-lain	119	362	356	1,671
Jumlah	4,093	10	7,342	30,771

Pembiayaan sektor swasta meningkat

Pembiayaan sektor swasta meningkat pada bulan Jun. Pembiayaan kasar oleh sistem perbankan dan melalui pasaran modal adalah lebih tinggi pada paras RM45.3 bilion atau pada kadar pertumbuhan tahunan 6.8%. Jumlah terkumpul bagi pinjaman sistem perbankan dan PDS meningkat pada kadar tahunan 8.2% pada akhir bulan Jun.



Pembiayaan kasar yang dikeluarkan kepada sektor swasta meningkat pada bulan Jun

Penunjuk pinjaman utama menunjukkan aktiviti pinjaman bank terus meningkat pada bulan Jun. Peningkatan aktiviti pinjaman meliputi ketiga-tiga kumpulan utama peminjam, iaitu PKS, perniagaan besar dan isi rumah.

Jumlah pengeluaran pinjaman meningkat kepada RM42.4 bilion (RM38.4 bilion pada bulan Mei) atau pada kadar pertumbuhan tahunan 12.7%. Pengeluaran kepada sektor perniagaan adalah lebih tinggi pada paras RM29.6 bilion (RM26.4 bilion pada bulan Mei), dengan RM8.7 bilion (RM8.3 bilion pada bulan Mei) dikeluarkan kepada sektor PKS. Sementara itu, pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor isi rumah meningkat kepada RM10.9 bilion (RM10.2 bilion pada bulan Mei).

Jumlah pinjaman terkumpul meningkat sebanyak RM7 bilion pada bulan Jun dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 6.2%. Peningkatan dalam pinjaman perniagaan terkumpul sebanyak RM3.3 bilion mencerminkan terutamanya peningkatan dalam pinjaman PKS terkumpul sebanyak RM1.9 bilion. Hasilnya, pinjaman PKS terkumpul mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi sebanyak 7.4% pada akhir bulan Jun (5.8% pada akhir bulan Mei), iaitu mencakupi sebanyak 38.4% daripada pinjaman perniagaan terkumpul dan 17% daripada jumlah pinjaman terkumpul. Sementara itu, pinjaman terkumpul bagi isi rumah meningkat sebanyak RM3.2 bilion.

Kedua-dua penunjuk pinjaman masa hadapan iaitu jumlah permohonan pinjaman dan kelulusan pinjaman turut meningkat pada bulan Jun. Permohonan pinjaman meningkat kepada RM24.5 bilion atau pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 33.9% sementara kelulusan pinjaman meningkat kepada RM18.1 bilion atau pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 28.5%. Sejumlah RM3.3 bilion diluluskan kepada 7,591 akaun PKS pada bulan Jun (RM2.4 bilion kepada 6,946 akaun pada bulan Mei).



Kesemua penunjuk pinjaman utama lebih tinggi pada bulan Jun



Pengeluaran pinjaman lebih tinggi meliputi hampir kesemua sektor

Terbitan baru bagi PDS kukuh

Terbitan baru bagi PDS kukuh pada bulan Jun. Terbitan baru oleh 9 syarikat berjumlah RM2.6 bilion. Daripada jumlah tersebut, 41% adalah untuk pembiayaan aktiviti baru. Pada asas bersih, jumlah terbitan kasar diimbangi oleh penebusan besar yang berjumlah RM4.1 bilion. Dalam pasaran ekuiti, dana yang diperoleh berjumlah RM290.1 juta, terutamanya daripada lima tawaran awam awal (RM146.8 juta) dan terbitan hak (RM128.3 juta). Sementara itu, dalam sektor awam, pihak Kerajaan memperoleh RM10.2 bilion daripada penerbitan semula SKM 3/86 5-tahun dan SKM 2/04 10-tahun serta terbitan baru GII 1/04 3-tahun. Sektor awam juga menebus SKM, bon Khazanah dan GII bernilai RM12.7 bilion. Secara keseluruhan, pasaran modal mencatat penebusan bersih sebanyak RM3.7 bilion disebabkan penebusan yang tinggi oleh sektor awam dan swasta.



Terbitan baru oleh sektor awam dan swasta lebih diimbangi oleh penebusan yang besar

IK BSKL meningkat 1.1% kepada 819.9 mata pada akhir bulan Jun berbanding akhir bulan Mei. Permodalan pasaran lebih tinggi sedikit pada paras RM653.9 bilion (+0.1% semenjak akhir bulan Mei) sementara purata urus niaga harian bagi bulan tersebut adalah lebih rendah pada paras 258.6 juta unit.

Pada 26 Julai, IK BSKL ditutup lebih tinggi pada paras 838.5 mata (+2.3% semenjak akhir bulan Jun). Permodalan pasaran adalah lebih tinggi pada paras RM667.4 billion (+2.1% semenjak akhir bulan Jun) sementara purata urus niaga harian bagi tempoh 1-26 Julai adalah lebih tinggi pada paras 328.2 juta unit.



IK BSKL ditutup lebih tinggi

Rizab antarabangsa terus meningkat

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM204.8 bilion atau AS$53.9 bilion pada 30 Jun 2004. Aliran masuk pada bulan Jun meningkat terutamanya disebabkan oleh penghantaran balik perolehan eksport yang mapan, penggunaan pinjaman luar negeri dan sedikit aliran masuk dana portfolio. Aliran keluar mencerminkan terutamanya pembayaran import barangan dan perkhidmatan, pembayaran balik pinjaman luar negeri dan penghantaran balik dividen. Paras rizab juga sudah mengambil kira pelarasan penilaian semula pertukaran asing suku tahunan yang mencatat kerugian sebanyak AS$506 juta. Paras rizab terus meningkat kepada RM206.1 bilion atau AS$54.2 bilion pada 15 Julai 2004, cukup untuk membiayai 7.3 bulan import tertangguh dan adalah 5 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Paras rizab terus meningkat

Tahap permodalan dan kualiti aset bertambah baik

Nisbah modal berwajaran risiko sistem perbankan bertambah kukuh kepada 13.7% disebabkan terutamanya oleh penerbitan bon subordinat oleh beberapa institusi perbankan. NPL bersih menurun sebanyak RM0.7 bilion menyebabkan nisbah NPL bersih bertambah baik pada paras 6.2%.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir tempoh							
	1999	2000	2001	2002	2003	Apr 04	Mei 04	Jun 04
Modal (%)								
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	11.0	10.9	11.1
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	13.6	13.5	13.7
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	8.1	7.5	6.8	6.6	6.5	6.2
Jumlah (RM juta)	23,849	24,700	32,833	31,703	30,766	30,079	30,003	29,321
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.8	1.8

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk institusi perbankan Islam.

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



Nisbah NPL bersih (klasifikasi 6 bulan) bertambah baik pada paras 6.2%

Penunjuk Kekukuhan Modal



RWCR dan nisbah modal teras masing-masing mengukuh kepada 13.7% dan 11.1%

Bank Negara Malaysia
28 Julai 2004

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Apr 04		Mei 04		Jun 04	
		Jumlah	Pertumbuhan tahunan	Jumlah	Pertumbuhan tahunan	Jumlah	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		47.5	11.1	46.5	7.9	46.4	8.7
M1		102.4	17.0	103.1	16.8	105.4	16.3
M2		443.3	12.4	443.6	10.6	447.6	11.5
M3		572.5	10.9	574.4	10.0	578.8	10.8
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		577.2	11.5	577.3	10.3	584.6	11.1
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		480.4	5.6	485.8	6.3	492.8	6.2
Nisbah pinjaman-deposit (%)		79.0		79.9		80.2	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		88.7		89.8		89.9	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		24.3	32.5	21.7	32.2	24.5	33.9
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		15.8	21.2	12.7	12.7	18.1	28.5
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		39.2	12.0	38.4	20.5	42.4	12.7
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		39.0	12.7	34.6	12.9	36.7	16.5
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)		13.6		13.5		13.7	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)		6.6		6.5		6.2	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM (bilion)		202.9		204.9		204.8	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)		53.4		53.9		53.9	
Bilangan bulan import tertangguh		7.3		7.3		7.3	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (KDS)		2.70		2.70		2.70	
Antarabank:	Semalaman	2.70 [2.72]		2.70 [2.70]		2.69 [2.70]	
	Seminggu	2.84 [2.76]		2.77 [2.80]		2.77 [2.75]	
	1 bulan	2.89 [2.97]		2.87 [2.88]		2.83 [2.81]	
	3 bulan	2.85 [2.85]		2.91 [2.89]		2.83 [2.85]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.00		3.00		3.00	
	3 bulan	3.00		3.00		3.00	
BLR bank perdagangan		6.00		5.98		5.98	
ALR bank perdagangan		6.08		6.07		5.99	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		105.2	1.0	105.5	1.2	105.6	1.3
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		149.9	11.2	151.2	12.6		
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Euro		4.5496		4.6381		4.5933	
Paun Sterling		6.7480		6.9740		6.8719	
100 Yen Jepun		3.4475		3.4616		3.4991	
Dolar Singapura		2.2303		2.2378		2.2139	
100 Baht Thai		9.4988		9.3792		9.2841	
100 Peso Filipina		6.7833		6.8070		6.7640	
100 Rupiah Indonesia		0.0437		0.0410		0.0404	
100 Won Korea		0.3237		0.3265		0.3298	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh dari sektor: awam		2.0		4.0		-2.5	
swasta		-0.2		1.2		-1.2	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		838.2		810.7		819.9	
Nilai pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		685.6		653.0		653.9	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti swasta (PDS) oleh sistem perbankan ke atas deposit sistem perbankan.